

Ketua Menteri Melaka akan rasmikan Pesta Silat 4 April



■ Pertandingan silat ini akan berlangsung di Stadium Kubu.

MELAKA, Selasa — Majlis Gabungan Seni Silat Negeri Melaka (MGSSM) dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan Melaka akan menganjurkan Pesta Seni Silat Melayu di Stadium Kubu di sini 4 April depan.

Pesta ini akan dipenuhi dengan pertandingan seni silat Melayu dan terbuka kepada semua pasukan seni silat di negeri ini.

Kata Pengerusinya, Encik Ahmad Nordin bin Mohd. Amin hari ini, pesta itu bertujuan meningkatkan mutu seni silat di samping memupuk semangat perpaduan di kalangan kumpulan-kumpulan silat di Melaka.

Beliau yang juga Ahli Exco Kerajaan Negeri Melaka berkata, Ketua Menteri, Encik Mohd Adib Haji Mohd Adam dijangka merasmikan pesta tersebut.

Beliau memberitahu sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Encik Mohamad Yusop telah dibentuk untuk mengelolakan pesta itu.

Encik Ahmad Nordin berkata, permohonan menyertai pertandingan ini boleh didapati daripada Setiausaha MGSSM, Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Melaka, Bangunan Pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan, Jalan Hang Tuah sebelum 1 Mac depan.

Encik Ahmad Nordin berkata, pertandingan silat itu dibahagikan kepada dua bahagian.

Bahagian seni silat bunga dan bahagian seni mempertahankan diri.